

MEMBIMBING DENGAN HATI, MENGAJAR DENGAN ILMU: KISAH INSPIRASI *Rosliza Bahari*

Siti Noor Azmawaty Abd Razak

✉ azmawaty588@uitm.edu.my



Puan Rosliza Bahari merupakan figura penting di Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Kelantan. Mesra dipanggil Kak Liza, beliau telah lama berkhidmat dan mewarnai kampus dengan penuh dedikasi dan kasih sayang. Beliau dilahirkan di Bagan Datoh, Perak, dan seterusnya dibesarkan di Petaling Jaya, Selangor. Perjalanan hidup Kak Liza diwarnai dengan impian yang besar. Dari persisiran pantai Bagan Datoh ke benua Australia, Kak Liza memulakan langkah akademiknya di University of Tasmania dan memperolehi Ijazah Perniagaan. Dengan ilmu yang kian bercambah, beliau seterusnya menyambung pengajian ke peringkat Sarjana di UiTM Shah Alam.

Kak Liza bukan sekadar menggalas tugas sebagai seorang pendidik tetapi juga memegang amanah sebagai seorang ibu kepada tiga orang cahayamata. Bersama suami tercinta, mereka dikurniakan dua orang putera dan seorang puteri. Anak sulung beliau telah mengikut jejak langkah ayahnya dan menjadi seorang doktor perubatan, manakala anak keduanya mengikut jejak langkah Kak Liza dengan memilih laluan di bidang perakaunan dan kewangan. Anak bongsu beliau kini masih menuntut di universiti dan meneruskan tradisi keilmuan yang teguh dalam keluarga mereka.

Langkah kerjaya Kak Liza bermula pada 14 Ogos 1995 di UiTM Jengka, di mana beliau menjadi antara perintis bagi program Pra-Perakaunan dan Diploma Perakaunan. Empat tahun di Jengka berlalu dengan penuh bermakna, di mana setiap saat dihabiskan dengan mendidik, membimbing, dan menyemai pengetahuan. Namun, hati beliau terpanggil untuk lebih mendalami ilmu lalu beliau memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana di UiTM Shah Alam.

Setelah tamat pengajian sarjana, angin perubahan membawanya ke Kelantan, mengikuti suami yang bertugas di Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM), Kubang Kerian. Di sinilah, pada tahun 2001, beliau melapor diri di UiTM Cawangan Kelantan, dan sejak itu, kampus ini menjadi medan baktinya.

Dengan hampir tiga dekad mengabdikan diri di UiTM, Kak Liza telah membimbing ribuan pelajar, mengajar pelbagai subjek seperti FAR100, FAR150, MAF490, MAF603, MAF653, ACC106, dan ACC116. Dedikasinya tidak pernah pudar, malah semakin menyala dengan setiap pengiktirafan yang diterimanya, termasuk Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2016 dan 2019.

Bagi Kak Liza, menjadi pendidik adalah amanah yang lahir dari jiwa. Setiap kelas, setiap pelajaran adalah detik-detik magis di mana ilmu disampaikan dengan penuh kasih sayang dan keikhlasan. Kenangan manis yang paling mengharukan hatinya ialah apabila bekas pelajar masih mengingatnya, menyapanya dengan penuh hormat walaupun bertahun lamanya tidak bertemu. Bagi beliau, saat-saat ini lebih bernilai daripada sebarang anugerah duniawi, menjadi bukti bahawa kasih sayang dan ilmu yang disemai telah meninggalkan kesan mendalam dalam jiwa anak-anak didiknya.

Kepada rakan-rakan fakulti, Kak Liza menitipkan pesan agar terus menjadi obor yang menerangi jalan generasi muda. Beliau berkata, **"Jadikan diri kita contoh teladan, bukan sahaja untuk kejayaan duniawi tetapi juga ukhrawi"**. Kak Liza mengingatkan pelajarannya agar sentiasa menjauhkan diri dari kemurkaan Allah dan mencari redha-Nya demi mencapai kehidupan yang diberkati.

"Hiduplah dengan berlandaskan Al-Quran dan Sunnah, InsyaaAllah kejayaan milik kamu."

Walaupun telah mengukir pelbagai kejayaan, Kak Liza masih menyimpan impian di hati. Di usia senja, beliau berharap dapat mendalami Al-Quran dan menghabiskan sisa hidup di tanah suci Madinah atau Mekah, jika diizinkan Illahi.

Puan Rosliza Bahari adalah cerminan seorang pendidik sejati, seorang ibu, dan seorang insan yang hidupnya penuh dengan dedikasi dan kasih sayang. Semoga kisah Kak Liza menjadi inspirasi, memotivasikan kita semua untuk terus menabur bakti di jalan ilmu dan menjadikan setiap hari sebagai peluang untuk memberi dan menerima, demi kemajuan dan kesejahteraan generasi depan.

